

# 580,000 isi rumah M40 kini jadi B40

Oleh Suzalina Halid,  
Mohd Nasaruddin Parzi dan  
Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 580,000 atau 20 peratus isi rumah daripada kumpulan M40 kini menjadi golongan berpendapatan dalam kategori B40.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata angka itu adalah berdasarkan laporan anggaran pendapatan isi Rumah dan Insiden Kemiskinan yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia.

"Sebanyak 20 peratus atau kira-kira 580,000 isi rumah daripada kumpulan isi rumah M40 yang berpendapatan di antara RM4,850 dan RM10,959 beralih kepada had pendapatan di bawah kumpulan B40," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Narah Ismail (PH-Sekijang) yang ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk menilai semula had pendapatan garis kemiskinan 2020 kerana ia tidak selari dengan kadar pengangguran negara dan golongan B40 yang semakin meningkat.

## Kemiskinan mutlak meningkat kepada 8.4 peratus

**Dari Muka 1**

Takrifan M40 ialah merujuk kepada isi rumah atau golongan yang berpendapatan sederhana antara RM4,851 hingga RM10,970 sebulan, manakala B40 ialah kumpulan isi rumah terendah yang pendapatan bulanan kurang dari RM2,500 hingga RM4,850.

Ismail Sabri berkata, kerajaan akan mengemas kini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada tahun depan serentak dengan Kajian Pendapatan Per-

belanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2022.

Beliau berkata, buat masa ini, PGK terkini yang digunakan pakai adalah pada 2019 dengan purata nasionalnya ialah sebanyak RM2,208 sebulan.

"PGK adalah berdasarkan jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat.

"Berdasarkan metodologi

PGK 2019, PGK nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan, berbanding PGK 2016 yang mengguna pakai metodologi 2005 iaitu RM980 sebulan," katanya menjawab soalan S Kesavan (PH-Sungai Siput).

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, insiden kemiskinan mutlak meningkat kepada 8.4 peratus pada tahun lalu ekoran COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berbanding 5.6 peratus pada 2019.

Katanya, dapatan itu merang-

kumi simulasi kepada data daripada HIES & BA 2019 dan profil isi rumah 2019 yang kemudian disesuaikan dengan corak taburan isi rumah 2020.

Beliau berkata, konsep PGK makanan berubah daripada keperluan minimum kalori kepada keperluan optimum minimum yang menunjukkan peningkatan kualiti barangan (item) bakul makanan.

"Bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 bertambah dari 106 kepada 146 barangan dan mengambil kira

perubahan pola perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan semasa.

"Oleh itu penetapan PGK, kadar pengangguran dan jumlah bilangan B40 adalah menggunakan metodologi yang berbeza tetapi berkaitan," katanya.

Beliau berkata, peningkatan kadar pengangguran akan menyebabkan pendapatan isi rumah miskin dan pendapatan B40 berkurangan, seterusnya meningkatkan bilangan isi rumah yang berada di bawah PGK.